

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
BU PEJABAT SARAWAK DAYAK NATIONAL UNION  
KUCHING, SARAWAK ( SONU )

OLEH

ABBI ANAK FRANCIS BERAYAN  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
( POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN EKOLOGI SOSIAL  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
( KUSTEM )

2006

3376

1100045541

LI 4 FPE 22 2006



1100045541

## Laporan akhir latihan industri di Ibu Pejabat Sarawak Dayak National Union Kuching / Arbi Francis Berayan.



PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU**

**1100045541**

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI  
DI IBU PEJABAT  
SARAWAK DAYAK NATIONAL UNION  
KUCHING, SARAWAK.  
(SDNU)**

**Oleh:**  
**ARBI ANAK FRANCIS BERAYAN**  
**Sarjana Muda Pengurusan**  
**(Polisi dan Sekitaran Sosial)**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada**  
**Jabatan Ekologi Sosial**  
**Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi**  
**Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia**  
**(KUSTEM)**

**2006**

**1100045541**

## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN PELAJAR

Saya **ARBI ANAK FRANCIS BERAYAN, UK9540** pelajar dari Fakulti Pengurusan Ekonomi, Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) dengan ini mengakui bahawa Laporan Latihan Industri (LI) bagi kod kursus SOS 4299 adalah hasil usaha karya saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini merupakan pandangan dan pendapat saya dan beberapa petikan, huraian dan ringkasan yang tiap satunya telah telah dipetik dari sumber tertentu.



**Arbi Anak Francis Berayan (UK 9540),**  
Sarjana Muda Pengurusan  
(Polisi Dan Sekitaran Sosial),  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE),  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM).

Tarikh Serahan: 19 OCTOBER 2006

Disahkan oleh:



**En. Syahrin Bin Said,**  
Penyelia Latihan Industri (KUSTEM),  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE).

## PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya rasa bersyukur kepada Tuhan atas keizinan-Nya membolehkan saya menamatkan praktikal atau Latihan Industri (LI) selama 12 minggu bagi memenuhi syarat kelayakan akademik sebelum bergraduat. Sepanjang tempoh 12 minggu menjalani LI banyak dugaan dan cabaran yang terpaksa saya tempuh sehingga menyiapkan laporan akhir ini. Namun berbekalkan doa, tekad kesabaran dan keazaman yang tinggi akhirnya saya telah berjaya menyempurnakan tugas ini dengan sempurna.

Di sini, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada individu-individu yang telah banyak memberi sokongan serta yang telah menghulurkan bantuan seadanya kepada saya disepanjang tempoh menjalani Latihan Industri. Maka dengan ini saya ingin mengambil kesempatan untuk menyatakan rasa ribuan terima kasih dengan menyebutkan beberapa nama sebagai tanda penghargaan dan keikhlasan saya kepada orang perseorangan yang banyak membantu dalam menyiapkan tugas ini. Pertama kali, ingin saya ucapakan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada En. Spencer A. Birai selaku Penyelia Latihan Industri dan En. Syahrin Bin Said selaku Penyelia Program LI (KUSTEM) yang sudi berkerjasama dalam memberikan didikan, maklumat dan nasihat. Tanpa perhatian, serta didikan motivasi, tunjuk ajar dan juga cadangan dari kedua-dua penyelaras LI yang telah sudi meluangkan masa dan berkongsi pengalaman untuk membimbing saya menyiapkan tugas saya LI.

Selain itu, tidak lupa buat keluarga tercinta, dan juga rakan-rakan lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha untuk melengkapkan laporan ini dengan sebaik mungkin. Kepada kedua ibu-bapa dan ahli keluarga tercinta, terima kasih dari segi bantuan material dan segala bentuk sokongan moral. Di sini, tidak dilupakan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada, Presiden SDNU En. Nicholas Barwin, Presiden SIDS Y.bhg Datin Seri Empiang Jabu dan ahli supreme komuniti SIDS dan semua warga Ahli Supreme Komuniti Pertubuhan Kebangsaan Dayak Sarawak atau SDNU yang telah banyak membantu saya epanjagn LI di organisasi SDNU. Terima kasih banyak juga ditujukan kepada Encik Nicholas Barwin kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk menjadi sebahagian daripada ahli keluarga Pertubuhan Kebangsaan Dayak Sarawak. Segala budi baik dan tunjuk ajar yang diberikan tidak akan saya lupakan.

Akhir sekali, kepada semua orang perseorangan yang namanya tidak dinyatakan saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi tidak terhingga. Semoga tuhan memberkati-Nya.

## RINGKASAN SINGKATAN DAN ISTILAH

|        |   |   |
|--------|---|---|
| AJK    | - | Ahli JawatanKuasa                             |
| FPE    | - | Fakulti Pengurusan Ekonomi                    |
| HQ     | - | <i>Head Quarters</i>                          |
| JPPM   | - | Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia       |
| KUSTEM | - | Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia |
| MMS    | - | <i>Multimedia Messaging System</i>            |
| ROS    | - | <i>Registration of Organization Society</i>   |
| SE     | - | Setiausaha Eksekutif                          |
| SMS    | - | <i>Short Messaging System</i>                 |
| SPM    | - | Sistem Penyimpanan Maklumat                   |
| SPT    | - | Sistem Perhubungan Telekomunikasi             |
| SPK    | - | Sistem Pengambilan Keahlian                   |
| SPCB   | - | Sistem Penubuhan Cawangan Baru                |
| VIP    | - | <i>Very Important Person</i>                  |
| Y.B    | - | Yang Berhormat                                |
| YDP    | - | Yang Dipertuan/ Presiden                      |

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri merupakan suatu aspek yang sangat penting dalam program pengajian di Fakulti Pengurusan Ekonomi (FPE), Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM). Latihan Industri ini merupakan salah satu syarat wajib bagi semua pelajar Fakulti Pengurusan Ekonomi (FPE) bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial). Latihan Industri yang perlu dilalui oleh para pelajar adalah merupakan satu bentuk latihan kerja di sesebuah organisasi atau sektor industri yang tertentu dibidang pemgurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial) dalam jangka masa yang ditetapkan.

Sepanjang sesi latihan industri, pelajar akan ditempatkan di sebuah organisasi atau industri bagi melaksanakan tugas-tugas yang dikehendaki dengan masa yang diperuntukkan untuk mereka. Pelajar juga tertakluk kepada semua peraturan program latihan industri Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM). Pelajar akan mengikut Latihan Industri ini selama 12 minggu. Kod kursus yang digunakan ialah SOS 4299 Latihan Industri (6 jam kredit). Bagi semester Kelima 2006, Latihan Industri ini telah bermula pada 17 April, 2006 dan berakhir pada 9 Julai, 2006.

Tujuan utama latihan ini adalah untuk mendedahkan para pelajar kepada persekitaran kerja yang sebenar serta mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar di samping untuk mempraktikkan segala apa yang telah

dipelajari sepanjang di Universiti. Selain itu, iaanya dapat melatih pelajar agar berdepan dengan situasi sebenar alam pekerjaan berbanding dengan apa yang telah dipelajari dan memberi peluang kepada pelajar untuk menjalankan tugas sebenar dalam suasana pekerjaan yang lebih mencabar.

Ketika menjalani Latihan Industri ini, pelajar dikehendaki mengenalpasti organisasi dari sudut fungsi, objektif, strategi, mengesan sistem yang sedia ada, mengenalpasti masalah dan cadangan penyelesaian, pada akhir sesi latihan, pelajar dikehendaki menyediakan satu laporan akhir untuk diserahkan kepada Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE).

## **OBJEKTIF LATIHAN INDUSTRI**

Terdapat beberapa objektif yang menjadi asas kepada pelajar untuk memahami konsep Latihan Industri Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, antaranya ialah:

- Mendapatkan pengalaman dan kemahiran asas professional pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian masing-masing.
- Mengenalpasti teori yang dipelajari dalam kuliah dengan realiti alam pekerjaan.
- Menjalinkan dan mengekalkan hubungan dengan alam professional dalam bidang masing-masing.
- Memahami nilai etika professional masing-masing.
- Menunjukkan kebolehan dalam alam pekerjaan dan seterusnya mendapat peluang pekerjaan apabila bergraduat nanti.